



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP SASTERA SIBER

NOOR HAZWANY BINTI HAJI ARIFIN

FBMK 2015 24



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP SASTERA SIBER

Oleh

NOOR HAZWANY BINTI HAJI ARIFIN

**Tesis Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Syukur kepada Mu ya Rabbi
di awal langkah pertamaku menjejakkan kaki
di medan perjuangan ini
Kau tidak pernah memesongkan hati
walau banyak rintangan kuhadapi.
Untuk yang dikasihi arwah ayahanda
penguat semangat yang kau beri
menyebabkan aku masih berada di bumi hijau ini.
Yang teristimewa buat bonda yang disayangi
segala pengorbananmu akan kubalas suatu masa nanti
Buat Yeop, Nyah, Yang, Nurul dan Nora
kamu semua sentiasa dalam ingatan.
Akhir sekali,
untuk anak-anak buah di kampung
telatah kamu semua
menjadi penghibur di hati.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP SASTERA SIBER

Oleh

NOOR HAZWANY BINTI HAJI ARIFIN

Januari 2015

Pengerusi: Profesor Madya Arba'ie Sujud, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Media siber yang berkembang pesat pada masa kini telah memberikan kesan kepada perkembangan pelbagai bidang ilmu, tidak terkecuali dalam bidang sastera. Walaupun media ini telah diterima secara umum dalam konteks pelaksanaannya, namun masih ada pertikaian kerana tanggapan dan persepsi masyarakat yang berbagai-bagai. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat dua jalur yang berbeza mengenai persepsi masyarakat terhadap sastera siber. Jalur pertama mengatakan bahawa karya sastera siber memperlihatkan mutu estetika yang tinggi dan mempunyai etika yang mengagumkan. Manakala jalur yang kedua pula mengatakan bahawa mutu dan estetika sastera siber terjejas. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola penggunaan, kandungan, faktor-faktor dan mutu maklumat. Selain itu, kajian ini juga menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola penggunaan, kandungan, faktor-faktor dan mutu maklumat. Dalam hal ini, kaedah yang digunakan dalam kajian ialah kaedah kuantitatif. Data diperolehi melalui kajian lapangan iaitu menerusi pemerhatian dan soal selidik terhadap responden iaitu pengguna laman web e-sastera (www.e-sastera.com). Seterusnya, data kajian ini akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Sosial Sciences* (SPSS). Dalam kajian ini, jenis persampelan yang digunakan oleh pengkaji ialah persampelan secara rawak mudah iaitu responden dipilih secara rawak. Ciri-ciri yang dimiliki responden dipilih mestilah memenuhi matlamat kajian iaitu mereka yang pernah melayari dan mengetahui mengenai laman web e-sastera. Pemilihan responden adalah seramai 100 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat antaranya ahli akademik, ahli profesional, pelajar, orang awam dan komuniti e-sastera sendiri. Kajian yang dilakukan berfokuskan kepada e-sastera iaitu laman web khusus tentang sastera Melayu yang telah diasaskan oleh Profesor Dr. Ir. Wan Abu Bakar Wan Abas seorang pensyarah bidang kejuruteraan di Universiti Malaya. Bagi memperkukuhkan lagi kajian, teori resepsi digunakan bersesuaian dengan tanggapan dan reaksi masyarakat terhadap karya sastera siber. Berdasarkan keseluruhan hasil kajian, didapati bahawa responden memberikan jawapan positif

yang menunjukkan bahawa sastera siber mempunyai estetika dan nilai mutu yang boleh diyakini.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

PERCEPTION OF SOCIETY TOWARDS CYBER LITERATURE

By

NOOR HAZWANY BINTI HAJI ARIFIN

January 2015

Chairman: Associate Professor Arba'ie Sujud, PhD
Faculty: Modern Languages and Communication

The rapid growth of cyber media has had a monumental effect on every field of knowledge, including literature. Even though cyber media is widely accepted in context, disputes occur due to the different perceptions held by various members of society. This is evident in the two differing views of society towards cyber literature. The first opinion states that cyber works have a high aesthetic value and contain impressive ethics. The second opinion states that the quality and aesthetic value of cyber literature is poor and unsatisfactory. This study was carried out to determine and analyze the factors that affect the perceptions of society at towards cyber works in terms of usage, content, factors, and the quality of the information contained in the works. This study utilizes a quantitative method. The data was obtained through field studies such as observations and questionnaires posed to users of the electronic literature website www.e-sastera.com. The data was then analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Simple random sampling was carried out on randomly selected respondents. Respondents had to fit characteristics that could fulfil the goals of the study, namely, they had previously used, or were aware of the e-sastera website. As many as 100 respondents were chosen from all walks of life. Among them were academics, professionals, students, members of the public, and the e-sastera community itself. The study focused on the website e-sastera, a website about Malay literature that was founded by Professor Dr. Ir. Wan Abu Bakar Wan Abas, an engineering lecturer in University of Malaya. To further lend credence to the study, the reception theory was used where applicable to gauge the opinions and reactions of the society towards cyber works. Based on the results of the study, it was found that respondents mostly provided positive feedback, thus indicating that cyber literature is actually highly valuable in terms of aesthetics and quality.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnia-Nya dapat juga saya menyempurnakan tesis yang bertajuk “Persepsi Masyarakat Terhadap Sastera Siber” sebagai syarat wajib untuk bergraduasi. Sepanjang menjalankan kajian tesis ini, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang diperoleh sepanjang menyiapkan tesis ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup saya.

Justeru itu, saya telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan yang lebih terperinci berkaitan kajian tesis ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan kajian tesis ini. Terutamanya kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Arba'ie Sujud dan ahli-ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Profesor Madya Dr. Jusang Bolong dan Dr. Roslina Abu Bakar kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada saya sepanjang menjalankan kajian tesis ini. Tunjuk ajar yang diberikan amat membantu saya dalam usaha untuk menyempurnakan kajian tesis yang telah diamanahkan.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan kajian tesis ini. Selain itu, saya turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan semua tesis ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

Noor Hazwany Binti Haji Arifin

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 29 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Noor Hazwany Binti Haji Arifin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Persepsi Masyarakat Terhadap Sastera Siber” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Normaliza Abd Rahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohamad Mokhtar Abu Hassan, PhD

Profesor
Jabatan Kesusasteraaan Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 Jun 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Arba'ie Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jusang Bolong, PhD

Profesor Madya
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Roslina Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Noor Hazwany Haji Arifin (GS30219)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan :

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan :

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan :

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	10
1.7.1 Persepsi	10
1.7.2 Sastera siber	10
1.8 Kesimpulan	11
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kajian-kajian Terdahulu	12
2.2.1 Sastera Siber	12
2.2.2 Teori Resepsi	17
2.3 Kesimpulan	19
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	20
3.2 Kaedah Kajian	20
3.3 Lokasi Kajian	20
3.4 Persampelan dan Responden Kajian	21
3.5 Instrumen Kajian	22
3.6 Pra-Uji Kajian	23
3.7 Pengumpulan Data	24
3.8 Analisis Data	24
3.9 Konsep dan Kerangka Teori	24
3.9.1 Teori Resepsi	24
3.9.2 Prinsip-prinsip Teori Resepsi	26
3.9.3 Aplikasi Teori Resepsi	27
3.10 Kerangka Kajian	29

3.11 Kesimpulan	30
4 PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP SASTERA SIBER	
4.1 Pengenalan	31
4.2 Latar Belakang Pengguna Sastera Siber	31
4.2.1 Jantina	32
4.2.2 Umur	34
4.2.3 Bangsa	35
4.2.4 Kelayakan Akademik	37
4.3 Persepsi Masyarakat Terhadap Pola Penggunaan Sastera Siber (e-sastera)	39
4.3.1 Kekerapan Terhadap Penggunaan Internet dan E-sastera	39
4.3.1.1 Lokasi Menggunakan Internet	41
4.3.1.2 Kekerapan Melayari Internet	41
4.3.1.3 Genre-genre Sastera yang Diminati dan Lebih Mendapat Perhatian	42
4.3.1.4 Maklumat Kewujudan E-sastera	43
4.3.1.5 Kekerapan Seminggu Melayari E-sastera	43
4.3.1.6 Tujuan Melayari E-sastera	44
4.3.2 Pengetahuan Terhadap E-sastera	46
4.3.2.1 Selalu Melayari Laman Web E-Sastera	46
4.3.2.2 Merupakan Komuniti Laman Web E-sastera	47
4.3.2.3 Mengisi Masa Lapang dengan Melayari Laman Web E-sastera	48
4.3.2.4 Suka Melayari Laman Web E-sastera	49
4.3.2.5 Akan Memperkenalkan Laman Web E-sastera kepada Kawan	49
4.3.2.6 Pernah Melayari Laman Web Berkaitan dengan Sastera	50
4.3.3 Kecenderungan E-sastera	51
4.3.3.1 Suka Melayari Laman Web E-sastera kerana Boleh Dilayari dengan Percuma	51
4.3.3.2 Melayari Laman Web E-sastera kerana Mempunyai Maklumat Terkini	52
4.3.3.3 Melayari Laman Web E-sastera sebagai Rutin Kebiasaan	53
4.4 Persepsi Masyarakat Terhadap Kandungan Sastera Siber (e-sastera)	53
4.4.1 Kepelbagaian Kandungan Laman Web E-sastera Memenuhi Citarasa Sebagai Pengunjung	54
4.4.2 Berpuas Hati Terhadap Kandungan E-sastera	55
4.4.3 Membincangkan Kandungan E-sastera dengan Orang Lain	56
4.4.4 Gaya Penyampaian Kandungan E-sastera Tidak	

Menarik Perhatian Sebagai Pengunjung	57
4.4.5 Ciri-ciri Kandungan dalam Laman Web E-sastera Tidak Menarik Minat	58
4.4.6 Ciri-ciri Kandungan dalam Laman Web E-sastera Tidak Menghiburkan	58
4.5 Persepsi Masyarakat Terhadap Faktor-faktor Mempengaruhi Sastera Siber (e-sastera)	59
4.5.1 Pihak Pengasas Meningkatkan Prestasi untuk Menghasilkan Kandungan yang Lebih Berkualiti	61
4.5.2 Melayari E-sastera untuk Mengetahui Isu-isu Terkini Sastera	61
4.5.3 Kepadatan Maklumat Membantu dalam Pembelajaran Akademik	62
4.5.4 Menyumbang Pemikiran Kreatif kepada Pengunjung	63
4.5.5 Saluran Penyampaian Maklumat kepada Pengunjung	64
4.5.6 Padat dengan Berita dan Informasi	65
4.5.7 Melayari E-sastera kerana Mengandungi Maklumat yang Tepat dan Padat	65
4.5.8 Melayari E-sastera kerana Mudah Diakses	66
4.5.9 Menggunakan Bahasa yang Mantap dan Mudah Difahami	67
4.5.10 Kandungan E-sastera Memupuk Pemikiran Rasional di kalangan Pengunjung	67
4.5.11 Tidak Menggunakan Kaedah Konvensional Selepas Melayari E-sastera	68
4.5.12 Isu-isu Diketengahkan Kurang Menarik Perhatian Pengunjung	68
4.5.13 Kurang Relevan dengan Dunia Pendidikan Semasa	69
4.6 Persepsi Masyarakat Terhadap Mutu Maklumat Sastera Siber (e-sastera)	70
4.6.1 Karya Bermutu dan Mempunyai Nilai Estetika	70
4.6.2 Bahasa Digunakan Mudah Difahami	73
4.6.3 Padat dengan Maklumat	74
4.6.4 Maklumat Disampaikan Tepat dan Jelas	75
4.6.5 Ayat Digunakan Mudah Difahami	76
4.6.6 Maklumat Dikemaskini dari Semasa ke Semasa	76
4.6.7 Bahan Karya Sentiasa Diperbaharui	77
4.7 Kesimpulan	78

5 KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	79
5.2 Kesimpulan	79
5.3 Implikasi Kajian	82
5.4 Cadangan	82
5.5 Penutup	82
BIBLIOGRAFI	84
LAMPIRAN	93
BIODATA PELAJAR	108



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Latar Belakang Responden	32
2	Pola Penggunaan Laman Web Sastera Siber (Kekerapan Penggunaan Internet dan E-sastera)	40
3	Pola Penggunaan Laman Web Sastera Siber (Pengetahuan E-sastera)	46
4	Pola Penggunaan Laman Web Sastera Siber (Kecenderungan E-sastera)	51
5	Minat dan Kepuasan Terhadap Kandungan E-sastera	54
6	Faktor-faktor Mempengaruhi E-sastera	60
7	Mutu Maklumat dalam Laman Web E-sastera	70

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Jantina	33
2	Majoriti Jantina Komuniti E-sastera	34
3	Taburan Umur Responden	34
4	Bangsa	36
5	Profil Ahli atau Komuniti E-sastera	37
6	Kelayakan Akademik	38
7	Maklumat dalam Laman E-sastera	45
8	Perkongsian Mengenai E-sastera	50
9	Panduan Menulis Sajak yang Bermutu	64
10	Berita E-sastera	65
11	Maklumat Berita “Hadiah Sastera Perdana 2013”	75

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri kreatif tanah air sentiasa membuka pintu kepada karyawan mahir dan profesional dalam pelbagai bidang. Keperluan tenaga kreatif yang benar-benar berkemampuan dalam menghasilkan produk seni sentiasa meningkat setiap tahun. Namun, tanggapan terhadap makna dan skop “industri kreatif” sering disalah anggap dan kadang-kadang diberikan tafsiran yang sempit. Sedangkan industri kreatif lebih daripada pengertian dunia seni hiburan atau bidang rekacipta semata-mata.

Tafsiran sempit ini diberikan akibat daripada sesetengah pihak dalam industri kreatif, mengambil sikap sambil lewa dan tidak mengambil kira latar pendidikan serta kemahiran seseorang karyawan, sebaliknya menjadikan produk seni yang dihasilkan tidak mencapai tahap kualiti yang diharapkan. Mengambil sikap mudah dengan melantik sesiapa sahaja yang ada di sekitar untuk menulis teks, skrip, lirik atau seumpamanya hanya akan mewujudkan situasi yang memalukan dan menafikan harapan pelanggan serta bakal pengguna atau khalayak yang akan menikmati sesuatu produk berkenaan. Sedangkan terdapat karyawan iaitu penulis yang telah terdidik secara formal dan sistematik dalam industri pengajian tinggi yang mengkhusus kepada pendidikan seni, yang telah membuktikan bahawa mereka benar-benar berilmu, berkemahiran dan professional (Zakaria Ariffin, 2007: 26-29).

Ketika berucap dalam majlis penyampaian Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2012, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa sumbangan industri kreatif di peringkat tempatan berada di landasan kukuh apabila mencatat pendapatan RM7 bilion pada tahun 2012. Daripada jumlah itu industri berkenaan menyumbang sebanyak RM1.9 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh itu, kerajaan komited untuk terus memberi penekanan kepada pembangunan industri kreatif yang dijangka mencapai sasaran pendapatan RM16.1 bilion menjelang akhir tahun ini (Metra Syahril Mohamed, *Utusan Malaysia Online*, 27 November 2013).

Sementara itu, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (Februari 2014), menyatakan bahawa kerajaan akan terus memberi penekanan untuk membangunkan industri kreatif yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi pada masa akan datang. Sumbangan industri kreatif Malaysia hanya sebanyak 1.3 peratus kepada KDNK berbanding negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Korea Selatan dan Jepun

yang menyumbang lima hingga tujuh peratus kepada KDNK. Oleh itu, kerajaan meluluskan peruntukan RM200 juta dalam Belanjawan 2012 kerana industri kreatif memang mempunyai potensi yang amat besar untuk menyumbang kepada KDNK negara (*Utusan Malaysia Online*, 18 Februari 2014).

1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia seni kreatif, dan teknologi maklumat dan komunikasi saling memerlukan dan gabungan kedua-duanya mampu menjana serta membangunkan negara. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi secara tidak langsung mempengaruhi dunia ilmu, perdagangan, komunikasi, perubatan, undang-undang dan sebagainya. Pengaruh ini menyebabkan persepsi terhadap kehidupan tidak lagi statik malahan semakin berkembang. Selaras dengan gejala globalisasi, usaha pembangunan di Malaysia dikaitkan dengan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Bahang dunia siber dapat dialami dalam semua aspek kehidupan, dan masyarakat mula menyesuaikan diri dengan suasana kepesatan bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Kepesatan perkembangan tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi setiap individu dalam masyarakat daripada kanak-kanak, pelajar sekolah, pelajar universiti, pekerja swasta dan awam serta masyarakat yang tidak terlibat secara langsung dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Celik komputer merupakan suatu kemahiran yang wajib ada pada seseorang individu bagi mewujudkan daya saing yang tinggi untuk berjaya dalam dunia yang semakin mencabar (Zuraida Jaafar, 2001).

Istilah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) diberi takrif sebagai komunikasi yang menggunakan disiplin sains, teknologi dan kejuruteraan terkini untuk berhubung di antara satu sama lain dan digunakan dalam menangani maklumat dan pemprosesan. TMK merangkumi komunikasi tanpa sempadan di mana tidak ada jurang pemisah untuk kedua-dua pihak berkomunikasi atau berinteraksi pada bila-bila masa. Takrifan tersebut memberikan maksud bahawa TMK melibatkan penggunaan suatu teknologi sebagai alat dalam melaksanakan proses komunikasi dan menjadi medium penghubung di antara pelbagai pihak tanpa mengira situasi, masa dan lokasi geografi. Terdapat tiga kombinasi teknologi utama yang membangunkan sistem TMK yang melibatkan teknologi komputer, teknologi komunikasi, dan teknologi media. Kombinasi di antara teknologi-teknologi tersebut berupaya menggerak dan mewujudkan satu kuasa teknologi yang bernilai dan berdaya maju dalam aspek komunikasi atau perhubungan. TMK dilihat dari aspek tujuan pembangunannya iaitu untuk menjejaki dan menyebarkan maklumat dari dan ke serata dunia. TMK diasaskan dengan tujuan memudahkan segenap masyarakat berkongsi maklumat melalui satu sistem yang dibangunkan secara khusus (Abdul Manaf Bohari, 2005: 32-33).

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai medan penyalur dan penyampai, membantu serta memberikan sumbangan terhadap perkembangan sesuatu bidang ilmu dalam peringkat negara dan antarabangsa. Sumbangan

teknologi maklumat dalam kemajuan bidang ilmu melahirkan pelajar yang kreatif, inovatif serta dapat menganalisis maklumat secara kritis. Hal ini kerana terdapat faktor-faktor perubahan apabila teknologi maklumat diaplikasikan dalam pengajaran. Teknologi maklumat yang menggunakan teks, grafik, imej, video, animasi, dan bunyi dalam penyampaian bahan pengajaran berbentuk multimedia membantu interaksi pelajar lebih interaktif, spontan, mudah dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan. Seterusnya, aktiviti di dalam kelas lebih berpusatkan pelajar dan tumpuan kepada setiap pelajar tiada halangan. Selain aktiviti di dalam kelas, pembelajaran boleh dilakukan secara sendiri dan tidak formal. Interaksi antara pendidik dan pelajar boleh berlaku di luar bilik kelas dan waktu pengajaran. Melalui kaedah ini, secara tidak langsung penilaian kepada setiap pelajar berbentuk komprehensif dan lebih tersusun (Sanat Md. Nasir dan Rogayah A. Razak, 1998: 405-408).

Budaya teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat dalam semua bidang di seluruh dunia memberikan kesan kepada perkembangan pelbagai disiplin ilmu. Dunia sastera yang juga termasuk dalam dunia seni kreatif, tidak terkecuali daripada pengaruh budaya ini. Oleh yang demikian, muncul mereka yang berminat untuk menggunakan teknologi digital bagi mentransformasikan karya sastera dan menghasilkan sastera yang dikenali sebagai sastera elektronik atau sastera siber (Zuraida Jaafar, 2001).

Dalam hubungan ini, sastera sebagai cabang seni mula membaaur dengan teknologi maklumat. Berbagai-bagai istilah dan konsep pada mulanya diberikan kepada sastera sebagai akibat daripada pembauran tersebut seperti; sastera teknologi maklumat, sastera elektronik dan sastera digital. Penggagas konsep ini memberi berbagai alasan, salah satu antaranya adalah sastera memang ada kaitan dengan teknologi maklumat memandangkan kita mulai memegang konsep teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berasaskan koridor raya multimedia. Pihak yang melihat alat-alat teknologi khususnya alat multimedia dan digital cukup berkaitan dengan sastera menamakannya sastera multimedia atau digital. Masing-masing memberi konsep berasaskan ideologi yang mereka pegang. Terdapat pula sarjana mengaitkan sastera dengan era siber dan menamakannya sebagai sastera dalam era siber (Zuraida Jaafar, 2001).

Menerusi perkembangan itu, sastera siber mula mendapat tempat oleh kebanyakan pengguna dan juga peminat sastera sebagai medan alternatif untuk meneruskan kesinambungan karya mereka menemui khalayak. Khalayak merupakan sasaran bagi penghasilan karya sastera. Pengarang berwawasan selalunya menggunakan karyanya untuk menyampaikan aspek-aspek positif kepada khalayaknya. Sebagai antara pilihan terbaik dalam berkarya, secara tidak langsung bergerak sesuai dengan perkembangan semasa dalam dunia teknologi maklumat, yang memungkinkan semua manusia berada dalam satu jaringan (Mohd Dahri Zakaria, 2004).

Melalui perkembangan karya sastra dalam talian di barat, laman web dan sosial serta blog menjadi pilihan kepada syarikat penerbitan gergasi dan kecil untuk mencari penulis yang mempunyai potensi menghasilkan karya terlaris di pasaran, dan tidak hanya bergantung kepada ejen sastra. Tidak hairanlah syarikat seperti HarperCollins Publisher dan Simon & Schuster mewujudkan laman web Inkpop(HarperCollins Publisher) dan Pulse It (Simon & Schuster) yang membenarkan penggunanya untuk memuat naik karya mereka ke laman web terbabit termasuk puisi, cerpen dan novel untuk dibaca oleh pengguna lain. Selain itu, laman web Wattpad.com pula sering mengadakan pertandingan novel yang ditaja oleh syarikat penerbitan atau ejen sastra, manakala syarikat penerbit kecil di Illinois, Medallion Press pula menerima permohonan dalam talian saja untuk penerbitan buku mereka dan baru-baru ini mengumumkan Siri Remaja Menulis Untuk Remaja.

Bagaimanapun, penggunaan laman web, sosial dan blog untuk menarik penulis baru yang berpotensi belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh syarikat penerbitan di Malaysia, meskipun jumlah penggunaannya semakin bertambah dan penulis muda semakin ramai memuat naik karya mereka. Menurut pengendali laman web Rumah Fantasi, Mazni Anita Awang (Disember 2010), blog dalam talian semakin popular dan ada pengikut boleh memancing penerbit, tetapi jumlah blog yang menjangkau ratusan tapak menyukarkan pihak industri untuk menelitinya. Penerbit sendiri sukar meneliti perkembangan setiap blog yang bukan saja agak banyak, bahkan sentiasa muncul hampir setiap hari. Penerbit hari ini lebih bergantung kepada ejen mereka yang membekalkan novel dalam talian kelolaan masing-masing berdasarkan populariti. Sebahagian novel dalam talian yang dimuat naik di blog juga di luar fokus beberapa penerbit yang lebih mengutamakan kisah cinta sehingga sukar menambat hati pihak industri termasuk laman kelolaannya, Rumah Fantasi yang lebih menjurus kepada genre sains fiksi dan fantasi. Potensi dan kemahiran itu dapat dikesan apabila menjengah blog penulis muda yang menyiarkan karya dalam talian di blog mereka sehingga menemui pesona dalam olahan bahasa, kemantapan mengadun plot utama, menimbulkan persoalan dan dirungkai dengan tertib, menjadi ciri yang dicari penerbit.

Presiden Persatuan Aktivis eSastra Malaysia (e-sastra), Prof Dr Ir Wan Abu Bakar Wan Abas (Irwan Abu Bakar) pula menyifatkan penyediaan laman web oleh penerbit dapat memberi peluang kepada penulis baru yang selama ini tidak berpeluang untuk menerbitkan karya mereka sama ada di media perdana atau syarikat penerbitan. Didapati ramai penulis baru menghasilkan karya yang bermutu sehingga memberanikan pihak e-sastra untuk menerbitkan 100 puisi terbaik yang tersiar di laman e-sastra di bawah selenggara penyair Kedah, Puzi Hadi, dalam bentuk konvensional. Projek kedua pihak e-sastra pula mencari beberapa penyair yang sangat aktif menghasilkan karya yang bagus untuk menerbitkan kumpulan puisi mereka pada tahun 2011 (Nazmi Yaakob, 2010).

Seterusnya, mengulas mengenai karya sastera dalam talian bergenre novel yang terawal di barat, Slusser (1992) menyatakan bahawa *Cyberpunk* adalah sebuah subgenre fiksi ilmiah yang menggambarkan keadaan distopia disertai pemanfaatan teknologi tingkat tinggi. Cerita-cerita *cyberpunk* umumnya terjadi pada masa depan yang tidak jauh dari masa kini dan di dalamnya banyak ditemui unsur-unsur *film noir* serta tokoh dan elemen seperti *hacker*, perusahaan besar, dan kecerdasan buatan. Meskipun kisah-kisah ala *cyberpunk* telah wujud sejak beberapa tahun sebelumnya, subgenre ini baru mula dikenali luas pada tahun 1980-an, ditandai dengan terbitnya novel *Neuromancer* (1984) karya William Gibson dan filem-filem seperti *Blade Runner* (1980), *Tron* (1982), dan *Akira* (1988). Istilah *cyberpunk* sendiri pertama kali diperkenalkan penulis AS, Bruce Bethke pada tahun 1980 melalui novelnya yang juga berjudul *Cyberpunk* (cerita ini selesai ditulis tahun 1980, namun diterbitkan tahun 1982). Istilah ini kemudian dipopularkan menjadi sebagai salah satu bentuk bahasa sastera oleh Gardner Dozois, seorang editor majalah fiksi ilmiah.

Kemudian, novel *Dendam Siber* (1998) dikatakan merupakan novel siber berbahasa Melayu pertama di Malaysia. Novel terbitan Pustaka Cipta ini lahir tepat pada waktunya ketika pemimpin negara merangka penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk memastikan Malaysia melonjak ke hadapan dalam bidang teknologi maklumat. Kelebihan novel ini dilihat sebagai usaha yang baik daripada penulis yang memiliki kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang komputer serta terjemahan.

Menurut Ahmad Zaki Abu Bakar (Mac 1998), novel sulung ini merupakan percubaan untuk menggunakan novel sebagai wahana menyampaikan maklumat teknikal kepada khalayak khususnya pelajar pusat pengajian tinggi dan sekolah menengah dengan lebih efektif. Sekalipun mengambil pendekatan yang berbentuk informatif cereka sains, Ahmad Zaki sengaja menulisnya dalam lingkaran cinta antara benua. Hal ini kerana beliau mendapati kisah cinta, cereka dan detektif yang informatif laris di kalangan remaja dan dewasa. Kisah cinta ini diketengahkan melalui watak utama iaitu Helmi dengan teman wanitanya yang berasal dari negara yang berbeza iaitu Rikako (Jepun), Feroza (Iran) dan Linda (Malaysia). Ceritanya pula berkisar tentang ahli penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia iaitu Prof. Helmi yang berjaya mencipta Gentian Multimedia. Bagaimanapun, penemuan itu cuba dicuri oleh seorang saintis Jepun yang juga bekas rakan seuniversitinya, Uchida.

Novel *Dendam Siber* (1998) memaparkan beberapa teknologi baru yang dijangka akan menjadi lumrah pada masa depan. Antara beberapa teknologi yang disentuh dalam novel tersebut berhubung dengan konsep multimedia, sistem berasaskan komputer, kecerdasan buatan, pemprosesan maklumat, neuropsikologi, robotik, sistem servo dan rangkaian neutral. Selain daripada menyentuh aspek teknologi, novel ini juga bertindak sebagai jendela bagi penulis untuk memaparkan wajah, watak dan budaya golongan saintis dan teknokrat yang jarang diberikan perhatian wajar oleh masyarakat. Novel ini juga turut memaparkan watak-watak

antarabangsa dan menggunakan latar belakang di Malaysia, England dan Jepun. Pengalaman luas Dr. Ahmad Zaki ketika belajar, bertugas dan mengembara di merata dunia serta menemui pelbagai bangsa memberi kesempatan yang baik kepadanya menghayati budaya antarabangsa (Siti Rohayah Attan, 1998).

Seiringan dengan wujudnya karya sastera siber dalam talian di Malaysia, terdapat beberapa laman utama yang menyediakan ruang untuk peminat dan juga kelompok penulis, terutamanya generasi baru untuk berkarya. Antaranya ialah laman pustakamaya.net, Melayu.com, karyanet.com.my, arahkiri.cjb.net, idealis-mahasiswa.net, dan www.esastera.com. Dalam hal ini, laman web www.esastera.com dilihat paling mendapat tempat di kalangan penulis-penulis sastera. Istimewanya laman ini apabila merupakan satu-satunya laman siber yang memuatkan sepenuhnya hasil-hasil karya sastera dalam pelbagai genre oleh kebanyakan pengunjunnya. Malah ia juga dikenali sebagai majalah sastera elektronik. Komitmen yang tinggi dari pengasas e-sastera menjadikan laman tersebut antara laman sastera elektronik yang menarik untuk dikunjungi dan seterusnya menambahkan karyawan terutamanya dari golongan muda untuk berkarya di situ (Hasyuda Abadi, 2005).

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan kepada pengamatan kajian-kajian lepas, didapati pelbagai persepsi masyarakat terhadap sastera siber menjadi perbincangan masyarakat terutamanya dalam kalangan para sarjana. Ini dapat dilihat apabila terdapat dua jalur persepsi masyarakat yang berbeza terhadap mutu dan estetika karya sastera siber. Jalur pertama mengatakan bahawa sastera siber mempunyai nilai mutu dan estetika yang tinggi.

Menurut SM Zakir (2007), karya-karya sastera siber bukan sahaja memperlihatkan mutu estetika yang tinggi tetapi kekukuhan etika dan moral yang mengagumkan.

Kemudian, jalur yang kedua pula mengatakan bahawa mutu dan estetika sastera siber terjejas. Hal ini kerana persoalan tentang mutu sastera elektronik sering dibincangkan dan sering dianggap tidak bermutu. Dalam erti kata yang lain, sastera dianggap hilang estetika dan tiada nilai-nilai jati diri apabila diaplikasikan dalam bentuk digital (Sohaimi Abdul Aziz, 2010:18).

Selain itu, mutu dan perkembangan sastera siber terjejas kerana perkembangan tercanggih dalam dunia penerbitan buku termasuk novel-novel sastera siber telah mengorbankan pembacaan secara berestetika dan berseni (Birkets, 1994:217). Hal ini kerana, jumlah pembaca yang mengunjungi laman web adalah penentu kejayaan karya siber dan bukan terletak pada estetika (Shahrin Nizal Mohd Nor, 2001).

Namun, perkembangan sastera siber tidak mampu disekat akibat kerana era teknologi maklumat dan komunikasi memaksa sastera siber diterima secara rela

atau terpaksa kerana ia tidak mungkin dapat disekat sama sekali, jika pun ada sesetengah pihak akan terus memandang sebagai karya kelas kedua (Rashiqah Ilmi Abd Rahim, 2009). Sastera siber dipandang sebagai kelas kedua kerana penerbitan karya-karya ini sangat berleluasa tanpa pengeditan, tapisan, dan prosedur-prosedur tertentu sebelum karya diterbitkan. Hal ini menyebabkan karya-karya yang tidak bermutu disebarkan secara berleluasa yang hanya mementingkan kepuasan individu semata tanpa mementingkan keindahan yang perlu ada dalam sesebuah karya. Tanpa tapisan daripada pihak penerbitan karya, dikhuatiri karya yang diterbitkan secara berleluasa ini mudah terjebak dengan masalah peniruan atau plagiat daripada hasil penulisan karya orang lain.

Selanjutnya, perkara yang selalu dibahaskan dalam karya sastera siber adalah hak cipta. Hak cipta menjadi satu isu pada masa kini. Karya bukan sahaja boleh dijual melalui pasaran tetapi melalui laman sesawang. Juga, pemindahan manuskrip tersebut ke laman sesawang telah berlaku secara berleluasa (Mohd Dahri Zakaria, 2004).

Pandangan bahawa sastera siber adalah sastera bebas termasuk bebas dari sudut mutunya merupakan suatu pandangan yang masih tidak tahu kebenarannya. Penerbitan karya dalam sastera siber terbatas berbanding dengan sastera surat khabar atau majalah dan buku yang hanya melibatkan dari segi waktu dan ruang. Sastera siber bukanlah dosa penyimpangan karya sastera melainkan salah satu bentuk hasil mutakhir dengan pemahaman umum iaitu cepat, mudah dan nyaman (Medy Loekito, 2001).

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, transformasi kesusasteraan Melayu daripada konvensional kepada alam maya diterima secara positif. Namun pada satu sudut lain, terutamanya yang melibatkan estetika sastera siber, terdapat dua jalur yang berbeza-beza persepsi. Satu jalur memberikan persepsi yang positif, dan satu lagi ke arah yang negatif. Justeru, persepsi yang berbeza ini tidak memberikan jawapan kepada persoalan estetika sastera siber dan mendorong pengkaji untuk mendapatkan jawapan yang setepatnya.

Oleh itu, persoalan-persoalan yang timbul dalam kajian adalah apakah persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola penggunaan, kandungan, faktor-faktor dan mutu maklumat? Bagaimana persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola penggunaan, kandungan, faktor-faktor dan mutu maklumat?

1.4 Objektif Kajian

Bertitik tolak daripada persoalan yang dikemukakan, mengundang kajian ini dilakukan untuk:

1. Mengetahui persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola penggunaan, kandungan, faktor-faktor dan mutu maklumat.

2. Menganalisis persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola penggunaan, kandungan, faktor-faktor dan mutu maklumat.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi diri pengkaji sebagai suatu sumbangan dan pendedahan awal yang dapat diperluaskan untuk membantu pengkaji-pengkaji yang lain pada masa akan datang. Dalam erti kata lain, kajian ini dapat dijadikan pemula atau pembuka jalan kepada sesuatu penyelidikan baru tentang sastera siber.

Dalam dunia sastera tanah air pula, kajian ini dapat menemukan maklumat yang baru dan terkini yang dapat membantu khalayak atau pembaca sastera menambahkan pengetahuan mengenai kajian sastera siber dalam talian. Pembaca akan memahami bahawa sesebuah karya bukan sahaja sebagai tempat untuk meluahkan perasaan malahan dapat dimajukan melalui media-media yang tertentu.

Selain itu, bagi bidang ilmu dan dunia akademik, kajian ini dapat menambahkan jumlah bilangan kajian dalam bidang yang sama berkaitan sastera siber dalam karya yang secara tidak langsung memberikan sumbangan kepada dunia akademik.

Selanjutnya, sesebuah organisasi atau institusi khususnya institusi pengajian tinggi (IPT) terutamanya Universiti Putra Malaysia (UPM) dapat mempelbagai kajian tesis atau projek ilmiah yang menyentuh tentang sastera siber yang merupakan sastera terkini.

Kepentingan kajian yang seterusnya adalah para guru dan pensyarah yang terlibat dalam bidang kesusasteraan dapat membuat rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat dikongsikan kepada para pelajar di sekolah mahu pun di universiti. Melalui karya yang kebanyakan bergenre puisi, pelajar dapat mengetahui dan belajar mengenai sastera siber yang sedikit sebanyak membantu dalam kemajuan dan perkembangan sastera Melayu kini.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini adalah untuk memberi kefahaman kepada penulis baru dan pelajar mengenai sastera siber. Secara tidak langsung, penulis baru mengetahui alternatif lain untuk menulis karya dan menerbitkan karya. Pelajar juga dapat menjadikan e-sastera sebagai bahan bacaan tambahan dan rujukan dalam tugas-tugas ilmiah berkaitan sastera siber.

1.6 Batasan Kajian

Kajian persepsi masyarakat terhadap sastera siber yang dilakukan berfokuskan kepada e-sastera iaitu laman web khusus tentang sastera Melayu yang telah diasaskan oleh Profesor Dr. Ir. Wan Abu Bakar Wan Abas seorang pensyarah bidang kejuruteraan di Universiti Malaya. Oleh yang demikian, kajian dijalankan

kepada 402 orang responden bagi mendapatkan pandangan pelbagai golongan masyarakat yang terdiri daripada ahli akademik, ahli profesional, pelajar, orang awam dan komuniti e-sastera. Daripada populasi 402 orang tersebut, hanya 100 orang responden sahaja digunakan sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel 100 orang responden dibuat setelah data lengkap yang boleh dipercayai, diperoleh daripada populasi 402 orang responden. Bagi memperkukuhkan lagi kajian, teori resepsi digunakan bersesuaian dengan tanggapan dan reaksi masyarakat terhadap sastera siber.

Laman e-sastera (www.esastera.com) mula dilancarkan oleh pengasasnya pada 23 Disember 2002 bertempat di Kolej Kediaman Kedua, Universiti Malaya bersempena dengan majlis yang dinamakan sebagai 'Gathering Raya Penyair Alam Siber'. Sempena majlis itu, sekalian penghuni dan pengkarya laman berkenaan berhimpun untuk pertama kalinya di alam nyata setelah sekian lama berhimpun di alam maya. Setahun sebelumnya laman ini lebih dikenali sebagai www.comunityzero.com/penyair.

Kemudian, platform baru e-sastera.com pula dilancarkan oleh YAB Datuk Nik Aziz Nik Mat di Kota Bharu Kelantan sempena majlis Baca Puisi E-sastera.com pada 10 Jun 2005. Prof. Dr. Ir. Wan Abu Bakar Wan Abas, sewaktu pelancaran e-sastera fasa dua, menyatakan bahawa komitmen penganjur untuk menjadikan laman itu sebagai satu tempat yang sesuai dan mendapat perhatian pengkarya adalah satu usaha untuk menghasilkan karya-karya sastera yang bermutu dekad ini (Hasyuda Abadi, 2005).

E-sastera dapatlah dianggap sebagai portal sastera berbahasa Melayu Malaysia yang paling terkemuka kerana kesusasteraan siber Melayu adalah merujuk kepada karya-karya yang diterbitkan dalam laman ini (Azmi Rahman, 2012). Malah portal ini adalah salah satu portal sastera terbesar di dunia, jika diambil kira bilangan genre yang dicakupinya. Berasaskan andaian itu, adalah wajar jika e-sastera diambil sebagai rujukan dalam memperkatakan tahap pencapaian sastera berbahasa Melayu di alam siber.

Laman web ini juga dapat digunakan untuk pembaca sastera menambahkan ilmu dan penulis baru berkarya mengikut genre-genre pilihan mereka. E-sastera mempunyai pelbagai pilihan genre yang boleh diakses seperti puisi, novel, pantun, cerpen, haiku, teka-teki dan sebagainya yang juga diperbaharui dari semasa ke semasa. Bagi penulis baru yang aktif berkarya tetapi sukar untuk mendapatkan penerbit, e-sastera adalah platform yang terbaik. Karya-karya yang diterbitkan akan dinilai oleh pihak pengurusan e-sastera untuk diberi anugerah atau untuk diterbitkan karya tersebut dalam ruangan konvensional.

1.7 Definisi Konsep dan Operasional

1.7.1 Persepsi

Dalam *Kamus Lengkap Psikologi* persepsi diartikan sebagai proses mengetahui atau mengenali objek dan kejadian objektif dengan bantuan indera, yang merupakan kesadaran dari proses organis dan dipengaruhi oleh pengalaman masa lalu (Chaplin, 1999: 358).

Menurut Walgito (2002:46) pula, persepsi adalah “proses pengorganisasian, penginterpretasian terhadap stimulus yang diterima oleh individu sehingga merupakan sesuatu yang bererti dan merupakan aktiviti yang berkembang dalam diri individu”. Dengan persepsi, individu dapat menyedari tentang keadaan lingkungan yang ada disekitarnya dan juga tentang keadaan diri individu yang bersangkutan.

Irwanto (1998:71) juga mendefinisikan persepsi sebagai “proses menerima rangsangan (objek, kualiti, hubungan antara gejala, mahupun diterima) sampai rangsangan itu disedari dan difahami”.

Seterusnya, Rakhmat (2004:51) mendefinisikan persepsi “sebagai pengalaman tentang objek, peristiwa, atau hubungan-hubungan yang diperoleh dengan menyimpulkan informasi dan mentafsirkan makna informasi”.

1.7.2 Sastera siber

Sastera siber adalah suatu genre baru sastera yang muncul apabila internet diperkenalkan. Sastera siber tidak dapat dipisahkan dengan teknologi. Sastera siber disebut juga sastera internet atau sastera tanpa kertas atau sastera elektronik. Dunia teknologi yang muncul dengan pesatnya telah menarik sama bidang sastera untuk berada bersamanya (Azmi Rahman, 2012).

Seterusnya, sastera siber atau *cyber-literature* mendapat nama apabila berlaku perkembangan dalam pembangunan sistem komunikasi internet. Maka, dunia sastera turut berkembang melalui medium komunikasi yang baharu itu sehingga wujud satu dunia sastera yang baru (Azhar Hj. Wahid, 2011).

Kemudian, menurut tafsiran S.M Zakir (2011: 42), sastera siber bukan sekadar tulisan yang termuat dalam mana-mana laman atau sesawang yang dapat dibuka atau dicapai melalui komputer tetapi lebih daripada itu menghadirkan teks-teks yang digabungkan dengan media lain seperti gambar, bunyi bahkan video muzik secara serentak.

Abdul Halim Ali (2003: 191) pula menyatakan bahawa sastera siber ialah sastera kehidupan tanpa sempadan. Cakupannya sangat luas dan bersifat global. Apa sahaja laman yang dapat diakses menerusi internet atau rangkaian digital, maka

itulah rangkaian ruang lingkungannya. Sastera siber lebih menjurus kepada sastera tulisan. Maksud biasan tersebut ialah idea pengkarya yang terbentuk dalam mindanya akan ditaip (tidak ditulis). Kemudian, dibiarkan dalam paparan di skrin komputer.

Melalui definisi-definisi konsep yang diberikan, dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini menyentuh mengenai penerimaan dan pengetahuan masyarakat terhadap informasi, kualiti dan mutu terhadap sastera bergenre baru dalam ruangan maya iaitu sastera siber yang bertepatan dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola, kandungan, faktor-faktor dan mutu maklumat.

Dalam konteks kajian yang dilaksanakan, sastera siber merujuk kepada karya-karya sastera yang diterbitkan dalam laman web secara dalam talian melalui internet. Kemunculan sastera siber ini mendapat persepsi yang berbeza daripada masyarakat kerana penerbitannya mudah dan cepat tidak seperti karya sastera konvensional yang memerlukan proses yang agak lama. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan laman web sastera siber yang terkemuka dan dikenali di Malaysia iaitu e-sastera sebagai bahan kajian untuk mengetahui persepsi masyarakat terhadap sastera siber.

1.8 Kesimpulan

Sastera siber merupakan fenomena baru yang mula mendapat tempat oleh pengkarya dan peminat sastera sebagai medan alternatif di Malaysia bagi meneruskan kesinambungan karya mereka untuk menemui khalayak. Walaupun sastera siber telah diterima secara umum dalam konteks pelaksanaannya, namun masih ada pertikaian kerana tanggapan dan persepsi masyarakat yang berbeza-bagai. Masalah tersebut timbul apabila masyarakat mempertikaikan sastera siber dari aspek mutu, hak cipta dan estetika kerana proses penerbitannya mudah dan cepat akibat ketiadaan tapisan editor seperti laman konvensional. Justeru itu, kajian ini akan mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap sastera siber selain mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap sastera siber dari aspek pola penggunaan, kandungan dan mutu maklumat. Laman e-sastera telah dipilih sebagai fokus utama kajian kerana laman ini merupakan laman sastera siber yang terbesar dan terkenal di alam kesusasteraan siber Melayu.

BIBLIOGRAFI

- A. Teeuw. *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Abdul Halim Ali. *Bingkisan Sastera*. Kuala Lumpur: Diwangsa Publication & Distributors, 2003.
- Abdul Halim Ali. "Estetika Nadi Kesusasteraan". *Dewan Sastera*, Mac 2012.
- Abdul Halim Ali, Mana Sikana dan Azhar Walid. *Prosiding: Seminar Teori dan Kritikan Sastera Negara*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia, 2012.
- Abdul Manaf Bohari. *Isu-isu Profesional ICT di Malaysia: Teknologi dan Perniagaan*. Petaling Jaya: IBS Buku, 2005.
- Ahmad Zaki Abu Bakar. *Dendam Siber*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta, 1998.
- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi: Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Ali Ahmad. *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Asiah Abdul Rahman. *Sastera Melayu: Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd, 2008.
- Asmah Hj. Omar. *Aliran dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, 1986
- Awang Sariyan. "Isu-Isu Asas Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Bahasa". *Dewan Bahasa*. Jilid 3 Bil 4 : 2003: 7 – 11.
- Azhar Hj. Walid. *Globalisasi Sastera Siber*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris, 2011.
- Baharudin Ali Masrom, Zaini Ujang dan Fatini Yaacob. *Fenomena Remaja*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd, Julai 1992.
- Baharuddin Aris. *Sistem Komputer dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur: Venton Publishing, 2001.

- Baharuddin Aris. *Sains Komputer: Teknik dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Venton Publishing, 2003.
- Birkets, S. *The Gutenberg Elegies: The Fate of Reading in an Electronic Age*. Boston MA: Faber & Faber, 1998.
- Bimo Walgito. *Pengantar Psikologi Umum*. Yogyakarta: Andi Offset, 2002.
- Chaplin, J.P. *Kamus Lengkap Psikologi*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1999.
- Eagleton, T. *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Fokkema, D. W. dan Kunne-Ibsch, Elrud. *Teori Sastra Abad Kedua Puluh*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, 1998.
- Geertz, C. *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Books, 1973.
- Gutiérrez, K. "Teaching and Learning in the 21st Century". *English Journal*, 2000, 7: 290 – 298.
- Haron Din. *Manusia dan Islam Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abdul Rahman Kaeh dll. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Hashim Awang. *Teman Pelajar Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1985.
- Hashim Ismail. "Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Hermeneutik". *Jurnal Pangsura*. Bil.16: Jilid 9, Jan-Jun 2003: 145-158.
- Hasyuda Abadi. "Kesan Budaya dan Bahasa dalam Sastera Siber". *Kertas kerja Dialog Borneo-Kalimanta ke-VIII*. Sandakan, Sabah, 2 hingga 5 Julai 2005.
- Henry Guntur Tarigan. *Pengajaran Gaya Bahasa*. Penerbit Angkasa: Bandung, 1985.
- Holland, N. N. *5 Readers Reading*. New Haven and London: Yale University Press, 1975.
- Irwan Abu Bakar dan Hasimah Harun. *Berkarya di Alam Siber*. Kuala Lumpur: eSastera Enterprise, 2008.

- Irwan Abu Bakar. "Sastera Siber Menenggelamkan Sastera Konvensional". *Dewan Sastera*. November 2004: 10-13.
- Irwan Abu Bakar. "Masa Hadapan Sastera Anda dalam E-sastera". *Dewan Sastera*. November 2004: 14-19.
- Irwan Abu Bakar. "T. Alias Taib dan Karya Siber". *Dewan Sastera*. November 2004: 32-33.
- Irwanto. *Psikologi Umum: Buku Panduan Mahasiswa*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka, 1998.
- Iser, W. *The Act of Reading A Theory of Aesthetic Response*. London: The Johns Hopkins University Press, 1987.
- Israel, G. D. *Sampling The Evidence of Extension Program Impact*. Program Evaluation and Organizational Development, IFAS: University of Florida, PEOD-5, Oktober 1992.
- Jan van Luxemburg, Mieka Bal dan Weststeijn, Willem G. *Pengantar Ilmu Sastra*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia, 1984.
- Jusang Bolong. *Minda Komuniti Maya*. Bangi: Penerbit UKM, 2011.
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor. "Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah". *Akademika*. Bilangan 67, Januari 2006: 77 – 102.
- Maizatul Akmal Sulong. "Puisi-puisi Penyair Pilihan Penerima Anugerah S.E.A Write Award: Satu Analisis Pemikiran". *Bachelor Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002.
- Mana Sikana. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 2005.
- Mana Sikana. *Teori Sastera Kontemporari*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya, 2005.
- Mana Sikana. "Pengajaran Drama Sebagai Peneguhan Bahasa Melayu". *Dewan Bahasa*. Jilid 1 Bil 9, 2001: 7-13.
- Maniyamin Haji Ibrahim. *Gaya Bahasa Kiasan: Penggunaan dan Keberkesanannya dalam Sajak*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd. 2006.

- Marohaini Yusoff. "Landasan Pengajaran Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu". *Dewan Bahasa*. Jilid 1 Bil 6, 2001: 20-26.
- Medy Loekito. *Cyber Graffiti*. Bandung: Yayasan Multimedia Sastra & Penerbit Angkasa, 2001.
- Mohd Dahri Zakaria. "Sastera Siber Sebagai Wadah Alternatif". *Akhbar Mahasiswa*, Februari 2004.
- Mohd Dahri Zakaria. "Berkenalan dengan esastera.com". *Sastera.Net*. Kuala Lumpur: eSastera Enterprise, Edisi 1, 2006: 15.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Muhammad Shohib(peny). *Al-Quran Terjemah Tajwid*. Bandung: PT Sygma Examedia Arkanleema, 2007.
- Nafii Mat. "Keperluan Teks Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu". *Dewan Bahasa*. Jilid 6 Bil 9, 2006 : 44 – 47.
- Naniey TJ. *Setitis Kasih Darmia*. Selangor: SR Publication, 2012.
- Nik Safiah Karim. "Bahasa Melayu Bahasa Tamadun Moden". *Dewan Bahasa*. Jilid 4 Bil 1, 2004: 10 – 15.
- Norhidayu Kassim. "Persepsi Kanak-kanak Terhadap Watak dan Perwatakan Tokoh dalam Karya Sastera Kanak-kanak Berunsur Sejarah". *Tesis Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Noriah Taslim. "Menggarapi Dunia Faedah dan Keilmuan Sastera Melalui Penstrukturan Kurikulum dan Pemantapan Kaedah Pengajaran". *Kolokium Pengajaran Sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996: 1-16.
- Rachmat Djoko Pradopo. "Estetika Resepsi dan Teori Penerapannya". *Bahasa Sastera*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1985: 183.
- Rachmat Djoko Pradopo. *Pengkajian Puisi: Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1993.
- Rakhmat, Jalaluddin. *Psikologi Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2004.
- Raman Selden. *Panduan Pembaca Teori Kesusasteraan Sezaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

- Rashiqah Ilimi Abd Rahim. "Sastera Siber vs Sastera Konvensional". *Berita Harian*. 18 November 2004: 24.
- SM Zakir. "Penulis Ulul Albab dan *New Man*". *Utusan Mingguan Malaysia*. 13 Januari 2008.
- SM Zakir. "Sastera Siber Melihat kepada Dunia Hiperteks". *Globalisasi Sastera Siber*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris, 2011: 42.
- Sanat Md. Nasir dan Rogayah A. Razak. *Pengajian Bahasa Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 1998.
- Slusser, G. E. dan Shippey, T (ed.). *Fiction 2000: Cyberpunk and the Future of Narrative*. University of Georgia Press, 1992.
- Shaharom TM Sulaiman. *Kedurjanaan Siber 2*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 2004.
- Shaharom TM Sulaiman. "Potensi Masa Depan Sastera Siber". *Jurnal Pemikir*. Jilid 26, Oktober-Disember 2001: 267-278.
- Shahrin Nizal Mohd Nor. "Sastera Siber, Sastera Generasi Baru?". *Kertas Kerja Seminar Sastera Siber*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 14 April 2001.
- Shamsinor Yunus. "Analisis Pemikiran dalam Novel-novel Hadiah Melayu Baru". *Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. *Kamus Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Sohaimi Abdul Aziz. "Sains dan Teknologi Transformasi kepada Kesusasteraan". *Dewan Sastera*. Julai 2010: 14-20.
- Sohaimi Abdul Aziz. *Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Spiller, N (ed). *Cyber_Reader: Critical Writings for the Digital Era*. London: Phaidon Press Limited, 2002.
- Supardy Muradi. *Fenomena Sastera: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989: 72.
- Suwardi Endraswara. *Metodologi Penelitian Sastra: Epistemologi, Model, Teori dan Aplikasi*. Yogyakarta: Pustaka Widyatama, 2003.

- Suzaini Hassan. "Estetika Bahasa dalam Puisi A. Samad Said". *Kertas Projek Master Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, Januari 2012.
- Taum, Yoseph Yapi. *Pengantar Teori Sastra: Ekspresivisme, Strukturalisme, Pascastrukturalisme, Sosiologi Resepsi*. Indonesia: Penerbit Nusa Indah, 1997.
- Teck Seng Ong. "Tahap Penggunaan Internet Di kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Di Bahau, Negeri Sembilan". *Master Sains*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2000.
- Tosun, C. "Limit to Community Participation in the Tourism Development Process in Developing Countries". *Tourism Management*. 2000, 21: 613-633.
- Umar Junus. *Resepsi Sastra*. Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia, 1985.
- Umar Junus. *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Wan Abu Bakar Wan Abas. "Ciri, Perkembangan, dan Penyiaran Karya Siber di Malaysia". *Majlis Akademi Sastera Siber*. Hotel Perdana, Kota Bharu, 25 Ogos 2006.
- Zakaria Arifin. "Industri Kreatif dan Peluang Kerjaya". *Dewan Sastera*. Jun 2007: 26-29.
- Zauridah Abdul Hamid. "Persepsi Moderator Terhadap Peranan Mereka dalam Mengaktifkan Komuniti Sibernya". *Master Sains*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2004.

Laman web:

- Adli Shahar. "Sastera siber pemusnah industri kreatif?" *Berita Harian Online*. 27 Julai 2011. <http://dpmp238.blogspot.com/2011/07/sastera-siber-pemusnah-industri-kreatif.html> (diakses pada 6 Mei 2014).
- Asep Supriadi. "Transformasi Nilai-Nilai Ajaran Islam dalam *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy: Kajian Interteks". *Tesis Pasca Sarjana Magister Ilmu Susastra*. Semarang: Universiti Diponegoro, 2009. http://eprints.undip.ac.id/16638/1/ASEP_SUPRIADI.pdf (diakses pada 2 May 2015, pukul 3.00 pm).
- Azman Ismail. "Teksdealisme Punya Potensi Besar". *Utusan Malaysia Online*. 30 Disember 2001. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1230&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_02.htm (diakses pada 3 Mei 2013 pukul 5.00 pm).
- Azmi Rahman. "Memaknakan Kehidupan dengan Kesusasteraan di Helaiian Siber". Kedah: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 5 September 2012. http://www.esasterawan.net/esasterawan/1_karya.asp?uid=170&ID=5346 (diakses pada 12 Mei 2013 pukul 2.05 pm).
- Aznan Bakar. "Sastera tempatan terpinggir?". *Utusan Malaysia Online*. 26 Mac 2010. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0326&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm (diakses pada 15 Februari 2013 pukul 10.15 pm).
- Baharin Mesir, Jamaludin Mohd Yatim, Azmahani Abd Aziz dll. "Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran Kampus". Skudai: Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia, 2006. http://eprints.utm.my/475/1/BaharinMesir2006_Gayahiduppelajarcemerlangd alam.pdf (diakses pada 20 Mac 2014, pukul 3.03 pm).
- Dyah Ayu Setyorini. "Transformasi Novel Rebecca (1938) karya Dadhne Du Maurier ke Bentuk Film". *Tesis Pasca Sarjana Magister Ilmu Susastra*. Semarang: Universiti Diponegoro, 2009. http://eprints.undip.ac.id/17214/1/Dyah_Ayu_Setyorini.pdf (diakses pada 2 May 2015, pukul 3.00 pm).
- Ifwan Tun Tuah. "Masyarakat Miskin Dapat Komputer Riba Percuma". *Berita Harian Online*. 29 Mei 2010. <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Masyarakatmiskindapatkomputerribapercuma/Article> (diakses pada 21 Jan 2014 pukul 10.53 pm).

- Jessica Ong Hai Liaw. "Tempias Kecanggihan Teknologi Maklumat". *Utusan Malaysia Online*. 4 Julai 2012. http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20120704/re_03/Tempiaskecanggihanteknolog-maklumat#ixzz30AnrzWTG (diakses pada 14 April 2014 pukul 4.00 pm).
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. *Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia*. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia, 2004: 323. familyrepository.lppkn.gov.my/15/ (diakses pada 13 April pukul 10.00 pm).
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Kerangka Kelayakan Malaysia: Titik Rujukan dan Persefahaman Bersama Tentang Kelayakan Pengajian Tinggi di Malaysia*. 2011. http://www.mqa.gov.my/portal2012/dokumen/KERANGKA%20KELAYAKAN%20MALAYSIA_2011.pdf (diakses pada 15 Mei 2014 pukul 11.01 pm).
- Khairunnisa Sulaiman. "Memanfaat Keasyikan Multimedia untuk Mendidik" *Utusan Malaysia Online*. 4 April 2009. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0409&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sains_%26_Teknologi&pg=st_01.htm (diakses pada 15 Jun 2014).
- Metra Syahril Mohamed. "Pembangunan Industri Kreatif". *Utusan Malaysia Online*. 27 November 2013. http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131128/dn_01/Pembangunan-industri-kreatif#ixzz30AU2MjCZ (diakses pada 23 April 2014 pukul 3.45 pm).
- Mohamed Fadzil Che Din. "Ketagihan Laman Sosial Maya". *Kosmo Online*. 4 Mei 2010. http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0405&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm (diakses pada 6 Januari 2014).
- Mohd. Affandi Hassan. 10/12/2006. "Apa itu novel popular?" *Utusan Malaysia Online*. 10 Disember 2006. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1210&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm (diakses pada 21 Januari 2014 pukul 12.53 pm).
- Mohd Najib Tun Abdul Razak. "Industri Kreatif Berpotensi Besar". *Utusan Malaysia Online*. 18 Februari 2014. http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140218/dn_02/Industri-kreatif-berpotensi-besar#ixzz30AVyK0lw (diakses pada 9 Mei 2014 pukul 10.09 am).
- Nazmi Yaakob. "Karya dalam Talian". *Berita Harian Online*. 15 Disember 2010. <http://pts.com.my/artikel/karya-dalam-talian/> (diakses pada 18 April 2014 pukul 10:50 am).

- Nor Afzan Mohamad Yusof. "Kemelut Pekerja Wanita". *Berita Harian Online*. 1 Mei 2012. <http://www.bharian.com.my/articles/Kemelutpekerjawanita/Article/> (diakses pada 4 April 2014, pukul 2.35 pm).
- Ong Hai Liaw. "Tempias Kecanggihan Teknologi Maklumat". *Utusan Malaysia Online*. 4 Julai 2012. http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20120704/re_03/Tempias-kecanggihan-teknologi-maklumat (diakses pada 9 Jun 2013).
- Rohani Abdul Rahman. *Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia*. 2004. http://familyrepository.lppkn.gov.my/292/11/Laporan_Penuh_KPKM_4_-_Sabah.pdf (diakses pada 24 Januari 2014 pukul 5.12 pm).
- Rosmalina Abd. Kadir. "Ketagihan Laman Sosial Maya". *Kosmo Online*. 4 Mei 2010. http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0405&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm (diakses pada 27 Januari 2014 pukul 7.48 am).
- Siti Rohayah Attan. "Dendam Siber Novel Pertama Berbentuk Teknikal". *Utusan Malaysia Online*. 5 Mac 1998. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0305&pub=Utusan_Malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_02.htm#ixzz30AV9i9OW (diakses pada 10 Mei 2014 pukul 9.56 pm).
- Wikipedia. "Cyberpunk". *Ensiklopedia Bebas*. Mac 2013. <http://id.wikipedia.org/wiki/Cyberpunk> (diakses pada 18 Mac 2014 pukul 6.15 pm).
- Wikipedia. "Sijil Pelajaran Malaysia". *Ensiklopedia Bebas*. Mac 2013. http://ms.wikipedia.org/wiki/Sijil_Pelajaran_Malaysia (diakses pada 8 Mac 2013 pukul 9.36 pm)
- Zaidatun Tasir & See Ching Ing. "Kajian Terhadap Pengetahuan Mencari dan Menilai Maklumat Menerusi Internet di Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Sibu, Sarawak". Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2010. <http://eprints.utm.my/11666/> (diakses pada 20 Mac 2014 pukul 2.00 pm).
- Zuraida Jaafar. "Sempena Seminar Sastera Siber di DBP 14 April Ini-Persediaan Memasuki Sastera Siber". *Utusan Malaysia Online*. 12 April 2001. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0412&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm(diakses pada 15 Mac 2014 pukul 3.15 pm).